

Penerima ijazah SPS tidak harus tumpu kerjaya dalam satu bidang sahaja

UB 25.5.2014 AM

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Ijazah Sarjana Muda yang diperolehi oleh para siswazah Sekolah Pengajian Seni (SPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) seharusnya tidak menganggap kegunaan untuk satu bidang sahaja.

Pengerusi Lembaga Pembangunan Balai Seni Visual Negara Dato Mahadzir Lokman berkata, ijazah yang diperolehi itu digunakan oleh para siswazah untuk menjadi apa sahaja yang diidamkan.

“Para lepasan tidak hanya fikir untuk menceburi bidang seni sahaja tetapi juga boleh ceburi bidang lain tidak kira sambung

pengajian atau menceburi sebarang kerjaya yang diminati.

“Saya juga meminta kepada para lepasan fakulti ini untuk menyertai acara bakat seni yang diadakan,” katanya ketika merasmikan Program Bakat Muda (Matrix) 2014 UMS di sini kelmarin.

Beliau berkata, galeri seni SPS perlu dijadikan lebih berfungsi dan relevan dengan keperluan semasa dan dapat bersaing dengan galeri-galeri seni lain di Malaysia.

Katanya, sokongan sentiasa diberikan kepada bakal-bakal graduan seni dapat memainkan peranan dalam memartabatkan budaya Sabah menerusi karya-karya seni.

Sementara itu, Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Prof. Dr Ismail Ibrahim berkata, Matrix 2014 disertai oleh 66 mahasiswa dan mahasiswi SPS sebagai acara tahunan.

Katanya, ia bertujuan untuk melatih para pelajar tahun akhir khususnya dari segi aspek penyelarasan dan pendedahan diri dalam industri kesenian dalam dan juga luar negara.

“Saya berharap pendedahan itu dapat meningkatkan tahap mengorganisasi dengan lebih sistematik para pelajar dan meningkatkan mutu karya agar setaraf dengan karya-karya lain berkualiti dan bertaraf tinggi,” katanya.